



Siaran Akhbar

UNTUK SIARAN SEGERA

KAJI SELIDIK IPSOS MENUNJUKKAN ISU-ISU UTAMA YANG DIHADAPI OLEH WANITA DAN SALAH TANGGAPAN TERHADAP PEMERKASAAN WANITA DI MALAYSIA

- Tiga isu utama yang dihadapi oleh wanita Malaysia adalah gangguan seksual, keganasan seksual dan seksualisasi wanita dalam media
- Gangguan seksual adalah isu kesaksamaan gender terbesar yang dihadapi oleh wanita di seluruh dunia - tetapi separuh daripada mereka merasakan bahawa laporan gangguan seksual masih diabaikan
- Orang ramai di seluruh dunia mempunyai banyak salah tanggapan terhadap isu persamaan gender: kami memandang rendah pengalaman gangguan seksual yang dihadapi oleh wanita, dan terlalu optimistik tentang mencapai kesaksamaan gaji buruh dan kesaksamaan ekonomi.

Satu kajian global baru oleh Ipsos dengan kerjasama Hari Wanita Antarabangsa, merangkumi 27 negara, menyoroti tahap kebimbangan orang di seluruh dunia mengenai beberapa isu kesaksamaan gender.

Tiga isu utama yang dihadapi wanita di seluruh dunia adalah gangguan seksual, keganasan seksual dan keganasan fizikal Rakyat Malaysia bersetuju dengan isu-isu yang sama, dengan pengecualian 'seksualisasi wanita dan perempuan di media', yang merupakan isu kesaksamaan gender yang ketiga penting yang dihadapi oleh wanita Malaysia.

Tugas mengimbangi kerjaya dan tanggungjawab sebagai peranan penyayang dan stereotaip gender adalah isu yang lebih mendesak untuk rakyat Malaysia berbanding dengan penonton global.

Sokongan untuk wanita hamil/ ibu-ibu baru dan kekurangan peranan wanita sebagai pemimpin berleluasa di Malaysia, kerana isu-isu ini adalah dalam 10 isu kesaksamaan gender teratas yang dihadapi oleh wanita di negara ini.



PANDANGAN GLOBAL VS MALAYSIA TENTANG ISU KESAKSAMAAN GENDER OLEH WANITA



GLOBAL



MALAYSIA

	Gangguan seksual	1	Gangguan seksual	
	Keganasan seksual	2	Keganasan seksual	
	Keganasan fizikal	3	Seksualitas wanita dalam media	
	Keganasan domestik	4	Keganasan fizikal	
	Gaji yang saksama	5	Mengimbangi kerjaya dan peranan penyayang	
	Diskriminasi di tempat kerja	6	Diskriminasi di tempat kerja	
	Mengimbangi kerjaya dan Peranan penyayang	7	Stereotaip gender	
	Seksualitas wanita Dalam media	8	Sokongan untuk wanita hamil dan ibu-ibu baru	
	Stereotaip gender	9	Keganasan domestik	
	Jumlah buruh yang tidak Dibayar kepada wanita	10	Kekurangan wanita dalam peranan kepimpinan	

Mengenai kajian ini:

- Sejumlah 19,428 ditemubual antara 26 Januari - 9 Februari, 2018. Tinjauan ini dijalankan di 27 negara di seluruh dunia menerusi sistem Panel Dalam Talian Ipsos di Argentina, Australia, Belgium, Brazil, Kanada, Chile, China, Perancis, Great Britain, Jerman, Hungary, India, Itali, Jepun, Malaysia, Mexico, Peru, Poland, Rusia, Arab Saudi, Serbia, Afrika Selatan, Korea Selatan, Sepanyol, Sweden, Turki dan Amerika Syarikat).
- Jumlah sampel bagi Malaysia 1500 [500 dalam talian dan 1000 bersemuka] adalah mewakili demografi penduduk negara rakyat Malaysia berusia 15 hingga 64 tahun



Siaran Akhbar - sambungan-

Gangguan seksual dilihat sebagai isu utama yang dihadapi wanita ...Tiga dari sepuluh orang (32%) secara global percaya bahawa gangguan seksual adalah masalah kesaksamaan gender terbesar yang dihadapi oleh wanita dan perempuan di negara mereka—jawapan paling banyak dipilih daripada senarai isu kesaksamaan gender yang panjang. Rakyat Malaysia berkongsi pandangan yang sama, dan lebih daripada separuh daripada mereka (51%) percaya ini adalah isu yang pertama untuk wanita di negara ini.

... tetapi orang masih memandang rendah kelazimannya dan separuh masih berfikir bahawa laporan mengenai gangguan seksual masih diabaikan

Walaupun dengan tahap kebimbangan yang tinggi mengenai gangguan seksual, orang masih memandang rendah tentang betapa biasanya kejadian ini di setiap negara di mana kami bertanya soalan ini. Sebagai contoh, 68% wanita di Britain mengatakan bahawa mereka telah mengalami gangguan seksual pada satu ketika - tetapi tekaan purata oleh peserta tinjauan adalah 55% sahaja. Sebaliknya, orang terlalu memandang tinggi kepada keganasan fizikal atau keganasan seksual terhadap wanita dari pasangan mereka atau bekas pasangan. Secara keseluruhannya, untuk semua negara, tekaan purata adalah bahawa 41% wanita telah mengalami pengalaman ini, tetapi bahagian sebenar wanita yang mengatakan ini telah terjadi kepada mereka adalah 25%.

Sebahagian besar daripada rakyat Malaysia (44%) mengalihkan tanggungjawab itu kepada wanita sendiri; bahawa gangguan seksual akan berakhir jika wanita itu hanya perlu memberitahu lelaki untuk berhenti, sedangkan di India ia adalah 57% yang mengalihkan tanggungjawab itu kepada wanita sendiri.

Dalam banyak negara, orang masih percaya bahawa wanita yang berani tampil ke hadapan tentang isu ini tidak akan dianggap serius. Di Malaysia dan di semua 27 negara yang dikaji, kira-kira separuh (50%) bersetuju bahawa, pada masa ini, laporan gangguan seksual pada umumnya tidak akan diendahkan. Walaupun terdapat banyak perdebatan umum mengenai gangguan seksual, terdapat beberapa orang yang mengatakan bahawa mereka bercakap mengenai masalah ini hanya dengan keluarganya; hanya 15% mengatakan mereka bercakap tentangnya 'lebih banyak' berbanding dengan dua kali perkadaran (30%) yang mengatakan mereka tidak bercakap mengenainya sama sekali.

Walau bagaimanapun, terdapat sokongan yang kuat untuk dasar toleransi sifar terhadap gangguan seksual; tiga perempat (78%) rakyat Malaysia merasakan bahawa ini adalah penting untuk membawa perubahan dalam masyarakat, dan ini juga sepadan dengan angka global.



Orang ramai amat optimistik tentang kadar perubahan kesaksamaan gaji buruh dan kesaksamaan ekonomi. ...

Hampir separuh daripada orang di seluruh dunia (47%) berpendapat bahawa kesaksamaan antara lelaki dan wanita akan dicapai dalam jangka hidup mereka, tetapi tidak sepadan dengan anggaran semasa oleh Forum Ekonomi Dunia, yang menganggarkan bahawa ini tidak akan dicapai lagi selama 217 tahun berdasarkan kadar kemajuan pada masa kini. Tekanan purata di seluruh negara adalah ia akan dicapai dalam masa 35 tahun, dengan sebilangan besar negara, termasuk rakyat Malaysia, merasa ia akan tercapai dalam 20 tahun atau kurang.

... dan kita telah terlalu memandang tinggi terhadap perwakilan wanita dalam peranan kepimpinan dalam sektor perniagaan

Salah tanggapan tentang kadar mencapai kesaksamaan gender mungkin dipengaruhi oleh hakikat bahawa kita merasa bahawa aspek kehidupan wanita lebih baik daripada yang sebenarnya. Khususnya, kita mempunyai penilaian yang sangat tinggi mana wanita diwakili dalam peranan kepimpinan perniagaan; kami menganggarkan bahawa, daripada 500 syarikat teratas di dunia, satu dari lima (19%) mempunyai CEO wanita - tetapi angka sebenar hanya 3%.

Rakyat Malaysia cenderung memandang tinggi terhadap ahli politik perempuan di negara mereka. Tetapi dalam kebanyakan negara lain, rakyat mereka sebenarnya memandang rendah bilangannya - terutamanya di Sepanyol, Afrika Selatan, Mexico, Belgium, Serbia, Jerman dan Argentina.

Walau demikian, pandangan majoriti di seluruh dunia adalah bahawa wanita perlu diwakili dengan lebih baik; enam dari sepuluh orang (61%) bersetuju bahawa segalanya akan lebih lancar jika lebih banyak wanita memegang jawatan dengan tanggungjawab lebih dalam sektor kerajaan dan syarikat persendirian. Di Malaysia, 55% bersetuju dengan ini juga. Walaupun pendapat bersetuju yang lebih tinggi adalah oleh wanita Malaysia (65%) berbanding lelaki Malaysia (45%).

Kebanyakan menyokong untuk mencapai kesamaan tetapi terdapat hampir separuh yang merasa yang kita dah melampaui dalam memberi hak kesaksamaan kepada wanita...

Kebanyakan orang (70%) di seluruh dunia bersetuju bahawa mencapai kesaksamaan antara lelaki dan wanita adalah penting kepada mereka secara peribadi, dan lebih separuh daripada rakyat Malaysia (56%) bersetuju bahawa ada tindakan yang dapat diambil sendiri



Siaran Akhbar - sambungan-

untuk mempromosikan kesaksamaan antara lelaki dan wanita. Bagaimanapun, bahagian rakyat Malaysia yang sama (56%) juga percaya bahawa kami telah mencapai kemajuan yang mencukupi di tentang perkara ini.

Katharine Davis, Pengarah Ipsos di Malaysia, mengulas, "Lebih ramai orang kini memahami bahawa masalah kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita dan perempuan bukanlah hanya satu matlamat, tetapi ia merupakan kunci kepada pembangunan mampan, pertumbuhan ekonomi, keselamatan dan keamanan. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat rasa puas hati bahawa kita telah mencapai kemajuan yang mencukupi di tentang perkara ini dan penting bagi rakyat Malaysia untuk menyedari bahawa kita masih ada perjalanan yang panjang untuk mencapainya. Di mana wanita diwakili sepenuhnya, masyarakat lebih aman dan stabil. Bangun berdiri untuk hak dan pembangunan wanita adalah juga bangun berdiri untuk kebaikan dunia. "

ENDS

Tentang kaji selidik ini:

- Sejumlah 19,428 ditemubual antara 26 Januari - 9 Februari, 2018. Tinjauan ini dijalankan di 27 negara di seluruh dunia menerusi sistem Panel Dalam Talian Ipsos di Argentina, Australia, Belgium, Brazil, Kanada, Chile, China, Perancis, Great Britain, Jerman, Hungary, India, Itali, Jepun, Malaysia, Mexico, Peru, Poland, Rusia, Arab Saudi, Serbia, Afrika Selatan, Korea Selatan, Sepanyol, Sweden, Turki dan Amerika Syarikat).
- Jumlah sampel bagi Malaysia 1500 (500 dalam talian dan 1000 bersemuka) adalah mewakili demografi penduduk negara rakyat Malaysia berusia 15 hingga 64 tahun
- Data "sebenar" untuk setiap soalan diambil dari pelbagai sumber yang disahkan. Senarai penuh sumber / pautan ke data sebenar boleh didapati di sini: <http://perils.ipsos.com/>

GAME CHANGERS

« *Game Changers* » ialah tanda nama Ipsos.

Di Ipsos, kami sentiasa ghairah dengan sifat ingin tahu tentang manusia, pasaran, jenama dan masyarakat.

Kami menjadikan dunia yang sedang berubah ini lebih mudah dan pantas untuk dikemudi dan memberi inspirasi kepada pelanggan untuk membuat keputusan yang lebih bijak. Kami memenuhi kehendak anda dengan selamat, pantas, sederhana dan berhemah. Kami ialah *Game Changers*.

Ipsos tersenarai dalam Eurolist - NYSE-Euronext.
Syarikat ini sebahagian daripada SBF 120 dan indeks Mid-60
dan layak untuk Perkhidmatan Penyelesaian Tertunda (*Deferred Settlement Service*).

ISIN code FR0000073298, Reuters ISOS.PA, Bloomberg IPS:FP

www.ipsos.com